



Asset Recovery Handbook

A Guide for Law Enforcement Officials

(English and Malay)

TABLE OF CONTENTS

- 1 INTRODUCTION**
- 2 FINANCIAL INVESTIGATION**
- 3 APPLYING FOR AN INTERIM RESTRICTION**
- 4 ASSET FORFEITURE UNDER CARO**
- 5 WHAT TO PREPARE FOR AN ASSET RECOVERY APPLICATION**
- 6 COURT PROCESS**
- 7 FREQUENTLY ASKED QUESTIONS**

INTRODUCTION

The recovery of assets from the proceeds of crime plays an integral role in disrupting and preventing the further funding of crime. The seizure and confiscation of such assets ensures that criminals and others are deprived of the proceeds of crime.


The Criminal Asset Recovery Order, 2012 (“CARO”) empowers the Royal Brunei Police Force, Anti-Corruption Bureau, Narcotics Control Bureau and the Royal Customs and Excise Department with a wide range of investigative powers in money laundering investigation. The Order also provides various avenues for the recovery of criminal assets.

This handbook is designed to be a quick reference for law enforcement officials in their pursuit of asset recovery under CARO, focusing primarily on criminal assets held in banks or financial institutions.

FINANCIAL INVESTIGATION

The main goal of a financial investigation is to identify and document the movement of money throughout the whole course of the commission of an offence.

It is important to establish the following links between:



This will not only provide proof of criminal activity but also locate the proceeds of crime at the outset in order to reduce the likelihood of dissipation.

Criminals are quick to exploit the advancement of technology. The timely restraint of proceeds of crime is particularly important especially when they are traced into bank accounts. With just a few clicks, the proceeds of crime can be moved and concealed.

The Public Prosecutor's power to issue a written notice under section 115 of CARO can be utilised to prevent any disposal of or dealing with such properties. Other provisions can be used to facilitate the confiscation or forfeiture of these properties at a later time.

It is also vital for law enforcement officials to be familiar with the terms defined under CARO. Terms such as "tainted property", "proceeds of crime" and "serious crime" are important as they constitute elements that must be proven on the balance of probabilities in asset recovery applications. These terms should be at the forefront of an investigator's mind when conducting money laundering investigation.

"TAINTED PROPERTY"

- "(a) property used in or in connection with or intended for use or in connection with the commission of the offence, if it was in the person's possession at the time of, or immediately after, the commission of the offence;
- (b) property derived, obtained or realised as a result of or in connection with the commission of an offence if it was acquired by the person before, during or within a reasonable time after the period of the commission of the offence of which the person is about to be charged, charged or convicted;
- (c) proceeds of crimes;

"TAINTED PROPERTY"

- (d) that the income of that person from sources unrelated to criminal activity of that person cannot reasonably account for the acquisition of that property; and
- (e) tainted property includes property of a corresponding value to property defined in paragraphs (a), (b), (c) and (d); or
- (f) property which, due to any circumstance such as, but not limited to, its nature, value, location or place of discovery, or the time, manner or place of its acquisition, or the person from whom it was acquired, or its proximity to other property referred to in the foregoing paragraphs, can be reasonably believed to be property falling within the scope of paragraph (a), (b), (c) or (d)"

"PROCEEDS OF CRIME"

"(a) any property or benefit derived or realised directly or indirectly from a serious offence;

(b) any property or benefit derived or realised from a disposal or other dealing with proceeds of a serious offence,

and includes, on a proportional basis, property into which any property derived or realised directly from the offence was later successively converted, transformed or intermingled, as well as income, capital or other economic gains derived or realised from such property at any time since the offence; and any property used or intended to be used in the commission of any serious offence"

"SERIOUS OFFENCE"

"An offence against a provision of -

- (a) any written law of Brunei Darussalam for which the maximum penalty is death, imprisonment for a term of not less than 6 months, fine of not less than \$1,000 or more severe penalty;
- (b) a written law of a foreign country, in relation to acts or omissions which, had they occurred in Brunei Darussalam, would have constituted an offence for which the maximum penalty is imprisonment for a term of not less than 6 months or more severe penalty including an offence of a purely fiscal character"

Examples: Criminal breach of trust, corruption related offences, possession of unexciseable goods and drug trafficking.

APPLYING FOR AN INTERIM RESTRICTION

Investigators may liaise with the Financial Intelligence Unit (FIU), Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) to enquire into the bank accounts of suspects. With the information provided by FIU, they can then consider if access to those accounts should be restricted.

What subsequent steps are to be taken?

1

If the balance in the bank account is large and you need to restrict access to the account, seek assistance from FIU to issue the relevant bank a direction to do so. This direction is only valid for 5 days.

2

Immediately conduct preliminary investigation in relation to the funds in the bank account to establish the possibility of it being tainted property.

3

If a restriction notice under section 115 CARO for the account is necessary, refer the IP to the DPP-on-duty with a minute outlining reasons for the recommendation. This must be done before the 5-day FIU direction lapses.

4

If a notice under section 115 CARO is issued by the Public Prosecutor, the notice must be served on the account holder and any other persons named in the notice.

5

Continue investigating within the 1-year period of the notice under section 115 CARO.

6

Before the 1-year expiry, an application to extend the notice can be applied if investigation is not yet completed. If investigation has been completed, submit the IP with a recommendation to the DPP on whether the funds in the account(s) should be forfeited or released.

REFERRAL TO THE DEPUTY PUBLIC PROSECUTOR

What information should be provided when seeking for the Public Prosecutor's notice under section 115 CARO?

Ensure that the following information is provided in the minute seeking for the notice:

- Identity of the suspect(s)
- Description of offences
- Background information of the case
- Bank accounts details and current balance
- Preliminary money trail analysis
- Assessment of income
- Any other information deemed necessary.

Any available supporting documents should also be included in the IP.

MONEY LAUNDERING

RED FLAGS

When conducting an investigation into a bank account, the following are some red flag indicators to look out for:

- Large cash transactions
- Frequent number of transactions
- Spikes in banking activity or amounts
- Transactions connected with potential money launderers
- Use of false documents for financial transactions
- Incomplete information on the purpose of payment
- Lack of information about the recipient or initiator of payment
- Confusing nature of the financial transaction

ASSET FORFEITURE UNDER CARO

Following the seizure of asset and determining that it is tainted property, CARO provides three avenues for its forfeiture:

Section
60
CARO

**Conviction Based
Confiscation**

Section
83
CARO

**Non-Conviction Based
Forfeiture**

Section
84
CARO

**Forfeiture Where There Is No
Prosecution**

All avenues involve the forfeiture of tainted property which may include cash, funds in bank accounts, vehicles, etc.



CONVICTION BASED CONFISCATION



A person has been convicted of a money laundering or serious offence.



Applied by the Public Prosecutor within 2 years of conviction.



Application for confiscation of tainted property is made through filing a notice of motion and an affidavit of the IO conducting the financial investigation.

NON-CONVICTION BASED FORFEITURE



There is enough evidence to prove tainted property but not enough to sustain a conviction.



May be applied for even when no person has been charged of money laundering or serious offence.



The Public Prosecutor may make the application at any time.



Application for confiscation of tainted property is made through filing summons and an affidavit of the IO conducting the financial investigation.

FORFEITURE WHERE THERE IS NO PROSECUTION

In this scenario, forfeiture application may be made when:



No Prosecution has been conducted in respect of the property.



No proceedings are commenced by the Public Prosecutor.



No claim in writing is made by a person regarding the lawful entitlement to property.

within 3 months of seizure.

WHAT TO PREPARE FOR AN ASSET RECOVERY APPLICATION



Valuation of assets other than cash e.g. car

Updated balance in bank accounts

All relevant supporting documents

Draft affidavit of the Investigating Officer

DRAFTING THE AFFIDAVIT

An affidavit in support of an application for asset recovery must include the following:

- Name, Position and Department
- Introduction
Summary of facts and evidence gathered
- Grounds for believing that property is tainted
- Bundle of exhibits
Bank statements, receipts, seizure forms etc.

COURT PROCESS



FAQ

What documents would I receive when the PP issues a notice under section 115 CARO?

- A notice addressed to the person subject to an investigation or any person having authority over the bank account(s).
- A letter to the bank or financial institution with a copy of the notice.

What do I do after receiving the PP's notice under section 115 CARO?

- Make a copy of the notice and serve the original on the person(s) named.
- Invite the recipient(s) to sign a copy for acknowledgement.
- Make 2 copies of the signed document – one kept in the IP and one returned to the DPP.
- Present the letter addressed to the bank or financial institution to the relevant officer with a copy of the notice.

FAQ

Can the account holder withdraw his/her salary from a frozen account?

Yes, but only if the notice under section 115 CARO contains an exception clause to allow such withdrawal.

What happens after the Court orders for tainted property to be forfeited?

- The DPP will return the IP together with a copy of the court order.
- For tainted property in a bank account: A copy of the order should be shared with the bank where it is held to authorise the transfer into the CARO Fund. Bank account details for the deposit can be confirmed with FIU.
- For tainted property in cash form: Cash to be transported for deposit into the CARO Fund according to each agency's own SOP.
- For tainted property other than money: To be sold off and proceeds deposited into the CARO Fund accordingly.

KANDUNGAN

- 1 PENGENALAN**
- 2 PENYIASATAN KEWANGAN**
- 3 MEMOHON SEKATAN INTERIM**
- 4 PERLUCUTAN HAK KE ATAS ASET DI BAWAH CARO**
- 5 PERSEDIAAN BAGI PERMOHONAN PERLUCUTAN HAK**
- 6 PROSES MAHKAMAH**
- 7 SOALAN-SOALAN LAZIM**

PENGENALAN

Mendapatkan kembali aset berupa hasil jenayah memainkan peranan penting dalam mengekang dan mencegah pembiayaan jenayah. Penyitaan dan rampasan aset ini akan memastikan penjenayah-penjenayah dan orang-orang lain yang terlibat tidak dapat memanfaatkan hasil jenayah.

Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 (“CARO”) memberi pelbagai kuasa penyiasatan ke atas kes-kes pembersihan wang haram kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Perintah ini juga memperuntukkan pelbagai cara atau kaedah untuk mendapatkan kembali aset jenayah.

Buku panduan ini diterbitkan sebagai bahan rujukan bagi pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang dalam mendapatkan kembali aset di bawah CARO yang mana fokus utamanya adalah aset jenayah yang disimpan di dalam bank atau institusi kewangan.

PENYIASATAN KEWANGAN

Tujuan utama dalam menjalankan penyiasatan kewangan adalah untuk mengenal pasti pergerakan wang sepanjang tempoh sesuatu jenayah itu dilakukan.

Siasatan perlu dijalankan bagi mendapatkan hubungkait di antara:



Ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai bukti bagi sesuatu jenayah tetapi juga dapat menjelaki hasil jenayah itu dari awal lagi untuk mengelakkan kemungkinan ianya dilesapkan.

Penjenayah-penjenayah sangat pantas dalam mengeksplotasi kemajuan teknologi. Sekatan segara ke atas hasil jenayah adalah sangat penting terutama sekali apabila ia dimasukkan ke dalam akaun-akaun bank. Dengan hanya beberapa klik, hasil jenayah mudah dipindahkan dan disembunyikan.

Kuasa Pendakwa Raya untuk mengeluarkan notis bertulis di bawah bab 115 CARO boleh digunakan untuk menghalang sebarang pelupusan atau pengurusniagaan harta berkenaan. Peruntukan-peruntukan lain boleh digunakan untuk tujuan rampasan atau perlucutan hak ke atas harta tersebut di kemudian hari.

Ia juga mustahak bagi pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang untuk peka dengan terma-terma yang ditakrifkan di bawah CARO seperti "harta tercemar", "hasil jenayah" dan "kesalahan berat" kerana ini adalah unsur-unsur penting untuk membuktikan atas imbalan kebarangkalian dalam mana-mana permohonan mendapatkan kembali aset. Terma-terma ini perlu ada di dalam fikiran seseorang penyiasat semasa menjalankan siasatan pembersihan wang haram.

"HARTA TERCEMAR"

- (a) harta yang digunakan dalam atau berhubung dengan atau dimaksudkan untuk digunakan atau berhubung dengan kesalahan yang dilakukan itu, jika harta itu berada dalam milikan orang itu pada masa, atau sejurus selepas, kesalahan itu dilakukan;
- (b) harta yang diperolehi, didapatkan atau direalisasikan akibat dari atau berhubung dengan suatu kesalahan yang dilakukan jika harta itu diperolehi oleh orang itu sebelum, semasa atau dalam tempoh masa yang munasabah selepas tempoh kesalahan itu dilakukan yang orang itu hampir hendak dituduh, dituduh atau disabitkan;
- (c) hasil jenayah;

"HARTA TERCEMAR"

- (d) bahawa pendapatan orang itu dari sumber yang tidak berkaitan dengan aktiviti jenayah orang itu tidak dapat menerangkan dengan munasabah pemerolehan harta itu; dan
- (e) harta tercemar termasuk harta yang sama nilainya dengan harta yang ditakrifkan dalam perenggan-perenggan (a), (b), (c) dan (d); atau
- (f) harta yang, kerana apa-apa hal keadaan seperti, tetapi tidak terhad kepada, jenis, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperolehi, atau kedekatannya dengan harta lain yang disebut dalam perenggan-perenggan di atas, boleh dipercayai dengan munasabah sebagai harta yang termasuk dalam skop perenggan (a), (b), (c) atau (d)"

"HASIL JENAYAH"

"(a) apa-apa harta atau manfaat yang diperolehi atau direalisasikan secara langsung atau tidak langsung dari suatu kesalahan berat;

(b) apa-apa harta atau manfaat yang diperolehi atau direalisasikan dari suatu pelupusan atau urusniaga lain ke atas hasil kesalahan berat,

dan termasuk, atas asas yang sebanding, harta yang dimasukkan di dalamnya apa-apa harta yang diperolehi atau direalisasikan secara langsung dari kesalahan itu kemudiannya satu demi satu ditukar, diubah atau bercampur, dan juga pendapatan, modal atau laba ekonomi lain yang diperolehi atau direalisasikan dari harta tersebut pada bila-bila masa sejak kesalahan itu; dan apa-apa harta yang digunakan atau dimaksudkan hendak digunakan dalam melakukan apa-apa kesalahan berat"

"KESALAHAN BERAT"

"Suatu kesalahan terhadap suatu peruntukan -

- (a) sebarang undang-undang bertulis Negara Brunei Darussalam yang hukuman maksimumnya adalah mati, penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 6 bulan, denda tidak kurang dari \$1,000 atau hukuman yang lebih keras;
- (b) undang-undang bertulis sebuah negara asing, berhubung dengan perbuatan atau peninggalan yang, sekiranya perbuatan atau peninggalan itu berlaku di Negara Brunei Darussalam, akan menjadi suatu kesalahan yang hukuman maksimumnya adalah penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 6 bulan atau hukuman yang lebih keras termasuk suatu kesalahan yang semata-mata bersifat fiskal"

Contoh: Pecah amanah, kesalahan berkaitan rasuah, simpanan barang tidak bercukai dan pengedaran dadah.

MEMOHON SEKATAN INTERIM

Para penyiasat boleh berhubung dengan Unit Risikan Kewangan (FIU), Bank Sentral Brunei Darussalam (BDCB) bagi mendapatkan maklumat mengenai akaun-akaun bank suspek. Dengan maklumat yang diperolehi daripada FIU, penyiasat bolehlah mempertimbangkan jika akses kepada akaun-akaun tersebut perlu disekat.

Seterusnya, apakah langkah yang perlu diambil?

1

Jika baki akaun bank adalah besar dan perlu disekat, pohonkan bantuan daripada pihak FIU untuk mengeluarkan arahan sekatan kepada bank berkenaan. Arahan ini hanya sah selama 5 hari.

2

Jalankan siasatan awal dengan segera berhubung dengan dana dalam akaun bank untuk menilai jika ada kemungkinan ia adalah harta tercemar.

3

Jika notis sekatan di bawah bab 115 CARO diperlukan untuk akaun itu, rujuk kertas siasatan (IP) kepada DPP yang bertugas bersama dengan minit mengandungi alasan-alasan bagi cadangan tersebut. Ini mesti dilakukan sebelum arahan yang dikeluarkan oleh FIU mansuh.

4

Jika notis di bawah bab 115 CARO dikeuarkan oleh Pendakwa Raya, notis itu mesti disampaikan kepada pemegang akaun dan mana-mana orang lain yang disebutkan di dalamnya.

5

Siasatan perlu terus dijalankan dalam tempoh 1 tahun notis di bawah bab 115 CARO itu berkuatkuasa.

6

Sebelum tempoh 1 tahun itu mansuh, permohonan untuk melanjutkan notis boleh dibuat jika sekiranya siasatan belum lagi selesai.

Jika siasatan sudah lengkap, serahkan IP kepada DPP bersama dengan cadangan sama ada dana di dalam akaun tersebut perlu dirampas ataupun dilepaskan.

RUJUKAN KEPADA TIMBALAN PENDAKWA RAYA

Maklumat apa yang perlu diberikan apabila memohon notis Pendakwa Raya di bawah bab 115 CARO?

Pastikan maklumat-maklumat di bawah ini diberikan di dalam minit memohon notis tersebut:

- Identiti suspek
- Keterangan kesalahan
- Latar belakang kes
- Butir-butir bank akaun dan baki terkini
- Analisa awal pergerakan wang
- Penilaian pendapatan
- Apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu.

Sebarang dokumen-dokumen sokongan juga perlu disertakan di dalam IP.

PETUNJUK TRANSAKSI YANG MENCURIGAKAN DALAM SIASATAN PEMBERSIHAN WANG HARAM

Berikut adalah contoh-contoh petunjuk transaksi yang mencurigakan dalam mengesan aktiviti pembersihan wang haram di dalam akaun bank:

- Transaksi jumlah wang yang besar
- Transaksi yang kerap
- Lonjakan ketara di dalam aktiviti atau jumlah transaksi
- Transaksi yang mungkin melibatkan kegiatan pembersihan wang haram
- Menggunakan dokumen palsu dalam membuat transaksi
- Maklumat yang tidak lengkap mengenai tujuan pembayaran
- Maklumat yang tidak lengkap mengenai penerima atau pemberi pembayaran
- Sifat urusniaga kewangan yang mengelirukan

PERLUCUTAN HAK KE ATAS ASET DI BAWAH CARO

Setelah sesuatu aset itu disita dan siasatan mendapati ia adalah harta tercemar, CARO memperuntukkan tiga kaedah untuk perlucutan hak ke atas aset tersebut:

**Bab
60
CARO**

**Perintah Perampasan Setelah
Disabit Bersalah**

**Bab
83
CARO**

**Perlucutan Hak Berdasarkan
Tiada Sabitan**

**Bab
84
CARO**

**Perlucutan Hak Jika Tiada
Pendakwaan**

Kesemua kaedah di atas melibatkan perlucutan hak ke atas harta tercemar termasuk wang tunai, dana di dalam akaun bank, kenderaan dan sebagainya.



PERINTAH PERAMPASAN SETELAH DISABIT BERSALAH



Seseorang itu disabitkan bersalah atas suatu kesalahan pembersihan wang haram atau kesalahan berat.



Permohonan mestilah dibuat oleh Pendakwa Raya tidak lewat dari 2 tahun selepas sabitan.



Permohonan perintah perampasan terhadap harta tercemar dibuat melalui notis usul dan pemfailan afidavit pegawai penyiasat yang menjalankan siasatan jenayah kewangan tersebut.

PERLUCUTAN HAK BERDASARKAN TIADA SABITAN



Bukti yang diperolehi cukup untuk membuktikan bahawa sesuatu aset itu adalah harta tercemar tetapi tidak cukup untuk mendapatkan pensabitan bersalah.



Boleh dipohonkan tanpa pendakwaan seseorang bagi kesalahan pembersihan wang haram ataupun kesalahan berat.



Pihak Pendakwa Raya boleh membuat permohonan pada bila-bila masa.



Permohonan untuk rampasan harta tercemar dibuat dengan memfailkan saman dan afidavit pegawai penyiasat yang mengendalikan siasatan kewangan.

PERLUCUTAN HAK JIKA TIADA PENDAKWAAN

Permohonan bagi perlucutan hak boleh dibuat apabila:



Tiada pendakwaan berhubung harta tersebut.



Tiada prosiding telah dimulakan oleh pihak Pendakwa Raya.



Tiada tuntutan bertulis dibuat bagi mengakui hak milik yang sah ke atas harta tersebut.

dalam masa 3 bulan dari tarikh rampasannya.

PERSEDIAAN BAGI PERMOHONAN PERLUCUTAN HAK



Mengenalpasti nilai aset-aset selain daripada wang tunai seperti kereta

Baki terkini di dalam akaun bank

Semua dokumen sokongan yang berkaitan

Rangka afidavit Pegawai Penyiasat

MERANGKA AFIDAVIT

Afidavit yang dirangka untuk menyokong permohonan perlucutan hak haruslah mengandungi butiran-butiran berikut:

- Nama, Jawatan dan Jabatan
- Pendahuluan
- Ringkasan fakta-fakta kejadian dan bukti-bukti yang diperolehi
- Sebab-sebab mempercayai bahawa harta tersebut adalah harta tercemar
- Dokumen-dokumen eksibit
Penyataan bank, resit, borang rampasan, dsb.

PROSES MAHKAMAH



SOALAN-SOALAN LAZIM

Dokumen apa yang akan saya terima apabila Pendakwa Raya mengeluarkan notis di bawah bab 115 CARO?

- Notis yang ditujukan kepada subjek siasatan atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa ke atas akaun bank berkenaan.
- Surat kepada bank atau institusi kewangan bersama salinan notis.

Apa yang perlu saya buat setelah menerima notis di bawah 115 CARO?

- Buat salinan notis dan serahkan dokumen asal kepada penama.
- Jemput penerima notis untuk menandatangani salinan sebagai tanda pengakuan penerimaan.
- Buat 2 salinan dokumen yang telah ditandatangani - satu untuk IP dan satu dikembalikan kepada DPP.
- Serahkan surat yang dialamatkan kepada bank atau institusi kewangan kepada pegawai yang berkenaan bersama salinan notis tersebut.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Bolehkah pemegang akaun mengeluarkan gajinya daripada akaun yang dibekukan?

Ya, jika notis di bawah bab 115 CARO mempunyai peruntukan pengecualian yang membenarkan pengeluaran tersebut.

Apa yang berlaku selepas Mahkamah memerintahkan harta tercemar untuk dirampas?

- DPP akan mengembalikan kertas siasatan bersama salinan perintah mahkamah.
- Bagi harta tercemar di dalam akaun bank: Salinan perintah perlu dikongsikan dengan bank berkenaan bagi memberi kuasa untuk pemindahan wang ke dalam Dana CARO. Butiran akaun bank untuk deposit boleh disahkan dengan FIU.
- Bagi harta tercemar dalam bentuk wang tunai: Wang tunai dimasukkan ke dalam Dana CARO mengikut SOP agensi masing-masing.
- Bagi harta tercemar selain daripada wang: Untuk dijual dan hasilnya dimasukkan ke dalam Dana CARO.

CONTACT US

 www.agc.gov.bn

 +673 2231200

 criminal.justice@agc.gov.bn